# *JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA*

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

| Rabu, 13 Julai 2022 | |
|---|---|
| 1 | 11 Bangkai lembu bergelimpangan |
| 2 | Bangkai 11 ekor lembu dibuang di tapak sampah haram |
| 3 | Mystery over 11 dead cows in clearing |
| 4 | Pork seller cry for help |
| 5 | Cerita tentang ayam |
| 6 | Baka kampung lasak menawan |
| 7 | Cara Dandan bulu Arnab |

DISEDIAKAN OLEH :

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT,**

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 13.7.2022 | SINAR HARIAN | NEGERI | 27 |

# 11 bangkai lembu bergelimpangan

**Bangkai haiwan-haiwan berkenaan ditemukan dalam keadaan berulat dan dihurungi lalat**



Bau busuk bangkai lembu-lembu berkenaan mendatangkan rasa tidak selesa penduduk berhampiran Kampung Sungai Lekar, Kuala Nerus.

KUALA NERUS

Bangkai 11 ekor lembu dalam keadaan berulat ditemukan di sebuah kawasan terbiar di Kampung Sungai Lekar di sini, dipercayai dibuang oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Menurut seorang penduduk kampung itu Wan Zaidi Wan Jaafar, 48, bangkai lembu tersebut dijumpai penduduk yang ingin memancing di Sungai Lekar terletak kira-kira lima meter dari kawasan itu pada petang Sabtu lepas.

"Bangkai lembu ini mungkin dibuang pada hari yang sama kerana ada penduduk kampung terlihat dua buah lori memasuki simpang ke kawasan itu. Kedua-dua lori tersebut dilihat penuh dengan lembu yang telah mati," katanya ketika ditemui *Bernama* di lokasi kejadian di sini pada Selasa.

Tinjauan *Bernama* ke kawasan yang terletak kira-kira 15 meter dari Jalan Kota Bharu-Kuala Terengganu itu mendapati, bangkai 11 ekor lembu tersebut berada dalam keadaan bergelimpangan, kembung, berulat dan dihurungi lalat.

Wan Zaidi memberitahu, bau busuk bangkai haiwan itu mendatangkan ketidakselesaan kerana kawasan tersebut merupakan laluan utama penduduk ke Sungai Lekar ke kawasan berdekatan.

"Walaupun jauh dari kawasan penempatan, namun ia merupakan laluan digunakan penduduk untuk memancing dan ke kebun. Jadi, kita risau kalau bangkai lembu ini menyebabkan pencemaran bau dan air sungai," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Terengganu Dr Anun Man ketika dihubungi berkata, setakat ini, pihaknya belum menerima sebarang laporan mengenai penemuan bangkai lembu tersebut.

Namun katanya, pihak veterinar negeri akan segera ke lokasi penemuan bangkai tersebut, bagi mendapatkan sampel mengenal pasti punca kematian lembu-lembu itu serta menjalankan kerja-kerja pelupusan.

"Kita tidak tahu apa punca lembu-lembu itu dibuang di situ. Ada kemungkinan lembu-lembu itu diseludup dari luar dan sekiranya haiwan tersebut dibawa dalam lori tertutup (lori bungkus) serta melalui perjalanan yang jauh, ia boleh menyebabkan lembu-lembu itu lemas dan menyebabkan kematian.

"Sekiranya ia mati disebabkan wabak penyakit seperti penyakit kuku dan mulut (FMD) dan sebagainya, pemilik lembu boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 31 Akta Binatang 1953, kerana gagal melaporkan penyakit haiwan ternakan mereka kepada pihak veterinar," katanya tindakan juga juga boleh diambil di bawah Seksyen 34, Akta Binatang 1953 kerana melupuskan haiwan ternakan berpenyakit tanpa kebenaran pihak berkuasa Veterinar.

Pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Terengganu juga akan membuat siasatan sekiranya ada unsur-unsur melibatkan kezaliman haiwan. - *Bernama*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 13.7.2022 | UTUSAN MALAYSIA | | 31 |

# Bangkai 11 ekor lembu dibuang di tapak sampah haram

**KUALA TERENGGANU:** Seorang pemancing terkejut apabila menemukan bangkai 11 ekor lembu di tapak pembuangan sampah haram di tepi sungai di Kampung Sungai Lekar di sini, Sabtu lalu.

Lembu itu dipercayai mati di tempat lain sebelum dibuang di kawasan tersebut.

Wan Mohd. Faizul Wan Jaafar, 35, dari Kampung Sungai Ikan di sini berkata, dia terkejut apabila menemukan bangkai lembu bergelimpangan ketika ingin memancing di sungai berdekatan tapak pembuangan sampah haram itu pada pukul 3 petang, Sabtu lalu.

Menurutnya, bangkai lembu tersebut sudah berbau busuk dan berulat, dipercayai mati dan dibuang di kawasan itu beberapa hari lalu.

"Saya berkunjung lagi ke sungai itu hari ini dan mendapati bangkai lembu masih berada di kawasan tersebut," katanya di sini semalam.

Wan Mohd. Faizul berkata, dia kecewa dengan perbuatan tidak bertanggungjawab individu tertentu membuang bangkai lembu tersebut sehingga menjejaskan kawasan tumpuan pemancing itu.

"Bangkai lembu itu semakin berbau busuk dan keadaan tersebut menimbulkan suasana tidak selesa pemancing di sungai berkenaan," jelasnya.

Selain itu menurutnya, dia mendapati lembu tersebut mempunyai tanda di telinga yang dipercayai dipasang Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV).

"Saya juga tidak menolak kemungkinan lembu tersebut dibawa masuk dari Thailand, bagaimanapun tidak diketahui punca lembu itu mati," katanya.

Pada masa sama katanya, dia mengharapkan pihak berkuasa tempatan dapat menanam bangkai lembu tersebut untuk menghilangkan bau busuk.



SEBAHAGIAN daripada bangkai lembu yang dibuang di tapak pembuangan sampah haram di tepi sungai di Kampung Lekar, Kuala Terengganu.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 13.7.2022 | THE STAR | NATION | 9 |

# Mystery over 11 dead cows in clearing

**KUALA NERUS:** Villagers are stumped after finding 11 dead cows dumped in an abandoned clearing in Kampung Sungai Lekar here.

Residents stumbled on the decaying carcasses when going to fish in Sungai Lekar, located about five metres away, last Saturday evening, said Kampung Sungai Lekar villager Wan Zaidi Wan Jaafar, 48.

"The carcasses may have been dumped on Saturday as some villagers saw two lorries entering the junction into this area. According to them, the two lorries were seen loaded with dead cattle," he said when met at the scene here yesterday.

A survey by Bernama of the area, which is located 15m off Jalan Kota Baru-Kuala Terengganu, found the carcasses of the 11 cows in a state of disarray, bloated and infested with worms and flies.

"Although the dumping is far from the settlement area, it is a daily route for residents going to the river and to plantations. So we worry about the stench and if it will pollute the river," Wan Zaidi said.

Terengganu State Veterinary Services Department director Dr Anun Man, when contacted, said they have not received any report on the mysterious find.

However, he said the department would obtain samples to identify the cause of death of the cattle and carry out disposal work and further investigation.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 13.7.2022 | THE STAR | NATION | 9 |

# Pork sellers cry for help

## Traders urge govt to find solution to spiralling meat prices

By YEE XIANG YUN
xiangyun@thestar.com.my

**JOHOR BARU:** The price of pork has increased a whopping 10 times so far this year, forcing some sellers to cut their profits to please their customers.

Prices have steadily risen to the current RM1,320 per 100 kg from RM720 per 100 kg earlier this year, said Central Johor Pork Sellers Association chairman Tee Chin Boon.

"The increase is more than 80% and this kind of jump has not happened before.

"According to suppliers, the price hikes are due to the increasing cost of animal feed and workers' salaries, aside from the African Swine Fever that wiped out thousands of pigs in Negeri Sembilan and Melaka last year.

"The most recent price increase was on June 26 and we are not sure when it will go up again next," he said.

Sales have been affected too, as customers were purchasing the now expensive meat in significantly lesser quantities, Tee said in an interview.

"Customers have been grumbling whenever they do their shopping as there was a period where pork prices increased each week," Tee added.

"As traders, we have to explain the reason to them nicely.

"It is quite tough on us. We are also cutting our profits to the very minimum in order to keep our customers happy because it will be worse if they decide to stop coming to our stall.

"We are not pocketing much as it is because when a whole pig comes to us, we can only sell about 60% of the animal where the rest such as head, bones and innards have to be discarded," he said.

Tee hopes that the government could help find a solution to the matter for the benefit of consumers, like it did with the recent chicken crisis.

Meanwhile, South Johor Pork Sellers Association chairman Chia Soon Hup said the demand for the meat has taken a dip this month, which has led to a slow-down in slaughterhouse activities.

He said the number of animals slaughtered daily has gone down by around 100 heads after the Duan Wu Festival (Dumpling Festival), where pork is among the key ingredients for the rice dumplings wrapped in bamboo leaves, ended in June.

"Though it is normal for the demand for pork to lessen around this time annually, I believe the hefty price tag has turned consumers away.

"Some customers told us they have chosen to consume other meats or meat products, which are cheaper compared to pork," Chia said.

He added that the market situation is the worst he has seen in his 46 years in the industry.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 13.7.2022 | SINAR HARIAN | CETUSAN | 17 |

# Cerita tentang ayam...



DUNIA BAHARU 2022

DR BUDIMAN MOHD ZOHDI

Biasa dengar orang kata 'jual ayam beli sardin'? Ia merujuk pada kebiasaan orang kampung pada masa dahulu yang menjual ayam belaan mereka untuk membeli lauk-pauk. Bukan sahaja sardin tetapi ikan, udang, sotong dan sebagainya.

Sebabnya pada masa itu orang kampung susah hendak dapat sardin dan ikan basah serta hasil laut lainnya. Ayam pula tidak menjadi masalah. Hampir semua orang menternak ayam. Ia kerja mudah.

Yang malas buat reban, dibiarkan sahaja ayam-ayam itu tidur di dahan-dahan pokok. Yang malas bagi makan nasi sejuk atau sisa makanan, biarkan sahaja ayam-ayam itu berkeliaran mencari makan sendiri.

Pada era itu ayam jarang dijadikan lauk kecuali untuk tetamu atau majlis-majlis tertentu. Ada juga ketikanya ia dijadikan sajian untuk jin, penunggu dan sebagainya dalam ritual-ritual mistik.

Pada zaman ini keadaan berbeza. Orang kampung kebanyakannya tidak lagi membela ayam. Yang di bandar janganlah cerita. Kalau nak berperang dengan jiran, cuba-cubalah bela.

Sekarang ini ayam tidak lagi diternak untuk dijadikan sumber pendapatan sampingan. Ia telah bertukar menjadi industri bermodal besar. Selain itu ayam juga telah diangkat sebagai sumber makanan utama. Walaupun yang dibela umumnya jenis ayam yang tak kenal emak bapa, yang hendak angkat kaki pun malas, terbang tak boleh, berketuk tak tahu, berkokok tak berbunyi, namun nilai pasarannya sangat besar.

Dahulu ayam dimanfaatkan dalam bentuk tradisionalnya sahaja iaitu daging. Tetapi dalam dunia baharu ini ia telah dijadikan asas kepada pelbagai produk: sosej, burger, nugget, salami dan pelbagai lagi.

Kegunaan ayam tidak terhenti di situ. Hampir setiap bahagian badannya dimanfaatkan. Bulunya yang berprotein tinggi dijadikan makanan ikan, organ dalamannya menjadi asas kepada pembikinan makanan haiwan, tahinya atau tinjanya telah sejak lama menjadi baja organik yang popular.

Statistik tidak rasmi menunjukkan lebih 50 bilion ekor ayam disembelih (termasuk dicucuk tengkuk) setiap tahun. Di Malaysia sahaja jumlahnya mencecah dua juta ekor sehari.

Disebabkan penggunaannya yang meluas, tidak hairanlah jika kenaikan mendadak harga ayam baru-baru ini menyebabkan kecoh seluruh negara. Ada yang tiba-tiba ajar anak makan ikan. Yang mula jeling-jeling itik dan burung pun ramai.

Sebenarnya cerita naik turun harga ayam bukanlah perkara baharu. Cuma untuk kali ini kadar kenaikannya agak luar biasa. Faktornya memang pelbagai. Selain permintaan yang tinggi, harga ayam dipengaruhi oleh pergantungannya kepada rantaian sedia ada iaitu baka ayam, induk ayam, anak ayam, makanan ayam, pembekal, peruncit, malah geopolitik dunia. Setiap satu ada sumbangannya.

Untuk kali ini punca paling besar ialah kenaikan kos makanan ayam. Harus diingat ayam sekarang ini manja-manja. Makan memilih. Makanannya perlu diproses dan bahan yang digunakan pula lebih 90 peratus perlu diimport. Jadi bila bahan itu naik harga, dengan sendiri mempengaruhi kos makanan ayam dan harga ayam itu sendiri.

Kita di Malaysia bernasib baik kerana kerajaan memperuntukkan lebih RM700 juta subsidi bagi membolehkan penetapan harga siling ayam. Tanpa subsidi itu barangkali sudah lama harga ayam menjadi setanding harga kambing.

Kerajaan juga pantas bertindak mengatasi masalah kekurangan ayam di pasaran. Ia termasuklah melarang eksport ayam untuk suatu tempoh dan berusaha mengekang aktiviti kartel yang mengawal pasaran ayam.

Hasil usaha itu dalam tempoh tidak sampai sebulan bekalan ayam kembali pulih dan harganya pula mula stabil.

Pun begitu kita tidak boleh berpuas hati. Dunia baharu adalah dunia yang sukar dijangka. Jadi langkah-langkah proaktif perlu diambil bagi mengekang keadaan yang sama berulang. Selain berusaha mencari kaedah mengurangkan import bahan-bahan mentah untuk makanan ternakan, kerajaan juga mungkin perlu mewujudkan sebuah GLC khusus bagi menyelia industri, di samping berperanan menstabilkan harga.

Rakyat pun sama. Tidak harus duduk diam dan mengeluh semata-mata. Mana-mana yang ada ilmu, cuba-cubalah gunakan teknologi untuk menghasilkan daging ayam tiruan, yang rasa dan zatnya sama dengan ayam sebenar.

Yang ada tanah pula biasa-biasakanlah diri untuk menternak ayam sendiri. Tak kisah ayam kampung atau ayam daging. Asalkan jangan bela 'ibu ayam' sudahlah. #dush!

** Datuk Dr Budiman Mohd Zohdi ialah Setiausaha Politik. Mulai tahun 2022 menulis mengenai pengurusan perubahan.*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 13.7.2022 | HARIAN METRO | KUBELA | 30-31 |



KUBELA

# BAKA KAMPUNG LASAK, MENAWAN

Kucing 'biasa' mudah dijaga tanpa babit kos tinggi, hidup dalam persekitaran tempatan

FOKUS

Oleh Muhamaad Razis Ismail
razis@mediaprima.com.my

**Kebiasaannya**, kucing kampung sering dikaitkan sebagai kucing 'biasa' berbanding spesies lain.

Kucing yang turut digelar sebagai Domestic Short Hair ini biasanya dilihat berkeliaran dan mudah ditemui di jalanan memandangkan cara pembiakannya tidak dikawal.

Kelebihan kucing ini, ia lebih tahan lasak dan mudah dijaga tanpa membabitkan kos yang tinggi kerana biasa membiak dan hidup dalam persekitaran tempatan.

Biarpun tidak popular seperti kucing import lain, kucing kampung tetap mempunyai peminatnya yang tersendiri.

Pesona yang dimiliki kucing kampung ini menjadikannya setanding dengan kucing import lain.

Antaranya kucing kampung yang dinamakan Mimiey milik Wan Suhairing Wan Daud, 40, ini yang dinobatkan sebagai pemenang keseluruhan dalam pertandingan Citrawarna Kucing Kelantan 2022 anjuran Tumpat Cat Society di Kota Bharu, Kelantan pada 11 Jun lalu.

Uniknya, Mimiey adalah kucing gelandangan yang ditemui Wan Suhairing secara kebetulan di sebuah pasar basah di Pasir Mas.

Katanya, ketika itu, keadaan kucing berwarna putih dan kelabu itu berada dalam keadaan yang amat menyedihkan.

"Ia nampak sangat kurus dan dalam keadaan yang tidak bermaya. Atas dasar kasihan, saya mengambilnya dan dibawa pulang ke rumah.

"Selepas diberi rawatan selama beberapa bulan dan dijaga dengan penuh kasih sayang, ia berubah menjadi kucing yang cantik serta aktif," katanya.

Pada Jun lalu, dia yang aktif menyertai pelbagai pertandingan kucing, menyertai Citrawarna Kucing Kelantan sekadar mengisi masa lapang dan bertemu rakan selepas dua tahun tiada penganjuran pertandingan kucing akibat pandemik Covid-19.

"Melihat potensi yang dimiliki Mimiey, saya membawanya untuk menyertai pertandingan kali ini.

"Alhamdulillah tanpa disangka, Mimiey mengejutkan ramai pihak apabila diumumkan sebagai pemenang keseluruhan dalam pertandingan itu," katanya.

> Alhamdulillah tanpa disangka, Mimiey mengejutkan ramai pihak apabila diumumkan sebagai pemenang keseluruhan dalam pertandingan itu
>
> WAN SUHAIRING

Bagi Wan Suhairing, kucing kampung mempunyai kelebihan dan keunikan tersendiri.

Katanya, pengalaman memelihara kucing kampung sejak kecil, ia lebih mudah dijaga dan tidak cerewet memilih makanan.

"Kucing kampung lebih mudah diuruskan, mendengar kata, lincah dan sangat aktif.

"Selain itu, kucing ini lebih berani dan paling utama ia pandai menjaga kawasan rumah daripada haiwan liar serta bahaya," katanya yang memelihara 15 kucing kampung.

Selain itu, dia turut memelihara beberapa kucing spesies lain seperti British Shorthair, Persian, Munchkin dan Domestic Long Hair.

Menurutnya, karakter kucing kampung ini lebih manja dan penjagaannya lebih mudah kerana mempunyai bulu pendek.

"Ia juga mempunyai tahap ketahanan badan yang tinggi untuk melawan penyakit berbanding kucing baka import. Paling unik adalah umur kucing kampung lebih panjang berbanding kucing lain," katanya.

Jelasnya, biarpun mudah dijaga, dia tidak pernah mengambil ringan terhadap semua kucing peliharaannya.

"Setiap bulan saya peruntukan tidak kurang RM1,000 untuk penjagaan mereka.

"Untuk memastikan semua kucing dalam siap, saya akan pasti rutin penjagaan sentiasa mengikut jadual yang betul termasuk untuk pemberian ubat cacing, vaksin dan dandanan," katanya.

Tambahnya, biarpun memelihara kucing kampung, pemilik perlu melengkapkan diri dengan ilmu pemeliharaan dan penjagaan kucing.

"Memelihara kucing bukan sekadar tahu beri makanan sahaja, malah ia perlu dijaga seperti ahli keluarga sendiri," katanya.

Ditanya mengenai perancangan masa hadapan, pemilik Abah Home Of Bulus ini berhasrat menyediakan tempat perlindungan yang selesa untuk kucing jalanan.

MIMIEY memiliki keunikan tersendiri.

WAN Suhairing sering meluangkan selama sejam bermain dengan kucingnya.

ANTARA kucing kampung milik Wan Suhairing yang pernah memenangi pertandingan.

WAN Suhairing bersama Mimiey.

KUALITI Mimiey berjaya memukau juri profesional.

TURUT aktif dengan aktiviti menyelamat kucing jalanan.

WAN Suhairing bersama piala yang dimenangi dalam pertandingan kucing.

CITRAWARNA Kucing Kelantan mendapat sambutan menggalakkan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 13.7.2022 | HARIAN METRO | KUBELA | 32 |

FOTO | SUMBER GOOGLE



ARNAB perlu diberus bagi penjagaan kulit dan bulu yang sihat.



POTONG kuku juga antara rutin penjagaan yang penting



BAKA arnab yang memiliki bulu panjang.



BAHAGIAN kelenjar bau yang perlu dirapi bagi mengelak jangkitan serius.

# CARA DANDAN BULU ARNAB

## Guna material lembut, berus setiap hari elak bebola rambut bergumpal

Oleh Nurul Husna Mahmud
nurul_husna@hmetro.com.my

**Arnab** antara yang kerap menjadi pilihan sebagai haiwan peliharaan kerana berbulu dan manja. Penjagaan haiwan peliharaan ini dikategorikan sebagai dandanan sendiri atau 'self grooming.'

Haiwan ini mempunyai pelbagai baka antaranya 'lionhead,' 'jersey wooly' dan angora yang memiliki bulu panjang.

Angora umpamanya baka yang berasal dari Turki dan dipercayai sebahagiannya dipelihara bagi tujuan mendapatkan bulu namun masih perlu didandan.

Seperti kucing, arnab perlu disikat sekurang-kurangnya seminggu sekali bagi merapikan bulu yang akan mengalami keguguran semula jadi secara berterusan.

Khusus untuk baka arnab berbulu panjang, ia tidak hanya diberus semata-mata. Sebaliknya memerlukan kerja-kerja menggunting mahupun 'mengetam' bagi memastikan bulu baru dapat tumbuh dengan baik.

Sebaiknya, kenal pasti keadaan arnab terlebih dahulu sama ada sihat atau tidak bagi membolehkan kerja-kerja dandanan yang diberikan sesuai dengan keperluan haiwan 'bulus' berkenaan.

### BERIKUT BEBERAPA ELEMEN DALAM MENDANDAN ARNAB PELIHARAAN:

### 1. MENDANDAN ATAU MERIAS BULU

Arnab mempunyai kulit yang nipis dan sensitif, jadi pastikan tekanan atau gaya memberus adalah dalam kadar lembut atau 'ringan.'

Gunakan berus khas untuk haiwan peliharaan seperti kucing dicadangkan kerana materialnya lebih lembut.



ARNAB antara haiwan yang menjadi pilihan peminat haiwan peliharaan

Seperti haiwan lain, kerenah arnab juga berbeza antara satu sama lain. Bermakna ada arnab suka dan ada yang tidak suka didandan.

Dalam kes baka jenis lionhead, angora dan arnab berbulu panjang yang lain, tiada pengecualian malah suatu keutamaan iaitu perlu diberus setiap hari bagi mengelakkan bulu dan bebola rambut bergumpal.

Aktiviti memberus dan merapi bulu arnab juga membantu rutin pemeriksaan kesihatan secara tidak langsung. Ini termasuklah bahagian kelenjar bau yang sensitif dengan jangkitan bakteria.

Antara isu membabitkan kerja-kerja merapi bulu arnab adalah kemungkinan terdapat tompok botak yang menjadi petanda sama ada wujudnya hama atau kemungkinan masalah kelemumur.

### 2. MANDI

Arnab secara semula jadi sangat bersih dan tidak perlu mandi melainkan ia terdedah kepada kotoran atau diselaputi najis. Jika perlu memandikan arnab, gunakan air sahaja atau syampu arnab mahupun syampu kucing yang lembut.

Jangan sekali-kali membenamkan arnab sepenuhnya ke dalam air dan hanya membasahkan kawasan yang kotor sahaja.

Biasanya arnab memberi reaksi 'menggeliat' atau 'meronta-ronta' ketika mandi. Mungkin perlu pangku atau bantuan orang lain dalam memastikan sesi memandikan haiwan kesayangan itu menjadi lebih mudah.

Keringkan arnab dengan tuala dan gunakan pengering rambut (tetapkan kepada suam, tidak panas) jika perlu.

### 3. MEMOTONG KUKU ARNAB

Kuku arnab boleh tumbuh menjadi sangat panjang dan tajam. Keadaan ini memberikan rasa tidak selesa buat anda dan arnab.

Sebaiknya gunting kuku apabila panjang menggunakan gunting kuku jenis 'guillotine' (dibuat untuk kucing dan burung).

Cara mengendalikan arnab pula ialah bungkus arnab dengan tuala terlebih dahulu untuk menenangkannya dan mengelakkan kecederaan ketika ia menendang.

Cuba pegang arnab dengan bahagian belakang dan kepalanya diselit pada celah siku.

Jika arnab anda mempunyai kuku berwarna cerah (bahagian kuku yang mengandungi darah) sangat kelihatan menjadikannya sangat mudah untuk dipotong.

Hanya gunting bahagian kukut sepatutnya sebelum arnab bergerak tetapi jangan terlalu rapat. Gunakan lampu pen untuk melihat sempadan kuku yang perlu dipotong.

Orang sering takut memotong kuku haiwan peliharaan kerana bimbang terpotong 'isi' atau terkeluar darah.

Sekiranya pendarahan berlaku, ia boleh dihentikan dengan salah satu kaedah berikut:

Sapukan serbuk 'styptic' ke bahagian yang mengalami pendarahan sama ada menggunakan jari atau bola kapas. Jika menggunakan bola kapas tekan pada bahagian kuku bagi menghentikan pendarahan.